



12 Julai 2012

Penagih maut kena renjatan

KLANG: Seorang lelaki dipercayai penagih dadah mati akibat terkena renjatan elektrik ketika mahu mencuri kabel elektrik di pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Jalan Tengku Kelana, di sini, semalam.

Mayat lelaki dikenali sebagai M Suthanantha, 36, itu ditemui orang awam yang melalui kawasan itu, kira-kira jam 9 pagi.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop berkata, mangsa dipercayai meninggal dunia di tempat kejadian akibat terkena renjatan elektrik ketika mahu mencuri kabel berkenaan.

Katanya, ketika ditemui, mayat mangsa masih dalam keadaan elok dengan tangan kanan melekat pada kabel elektrik. "Hasil siasatan mendapati mangsa yang berasal dari Taman Sentosa, di sini, memiliki tiga rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah dan curi," katanya.

Beliau berkata, polis mengklasifikasikan kes itu sebagai mati mengejut dan mayat mangsa dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, di sini, untuk dibedah siasat.